



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN LUAR NEGERI, MALAYSIA

UNTUK SIARAN SERTA-MERTA

PELANTIKAN KETUA-KETUA PERWAKILAN DIPLOMATIK MALAYSIA YANG BAHARU

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah telah mengampuni perkenan pelantikan 15 orang Ketua Perwakilan Diplomatik Malaysia yang baharu dalam satu Istiadat Penyerahan Watikah Pelantikan dan Majlis Menghadap yang berlangsung di Istana Negara pada hari ini. Istiadat tersebut turut dihadiri YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Luar Negeri dan YBhg. Dato' Sri Amran Mohamed Zin, Ketua Setiausaha, Kementerian Luar Negeri.

Dalam hal berkaitan, YB Menteri Luar Negeri turut menyerahkan surat pelantikan kepada bakal Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di Geneva, Switzerland, pada 3 Oktober 2023. Kesemua 16 Ketua Perwakilan Diplomatik tersebut adalah:

Dato' Norman Muhamad

Bakal Duta Besar Malaysia ke Republik Rakyat China

Dato' Norman Muhamad merupakan graduan Bishop's University, Kanada dan menyertai Kementerian Luar Negeri pada tahun 1992. Sebelum pelantikan ini, beliau memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Hubungan Dua Hala sejak tahun 2022.

Beliau pernah bertugas sebagai Duta Besar Malaysia ke Filipina (2019-2022), Duta Besar Malaysia ke Turkmenistan (2014-2016) dan Konsul Jeneral Malaysia di Los Angeles, Amerika Syarikat (2008-2011). Beliau juga pernah ditugaskan di perwakilan diplomatik Malaysia di Bangkok, Thailand dan Buenos Aires, Argentina.

Di Kementerian Luar Negeri, beliau pernah memikul tanggungjawab sebagai Setiausaha Bahagian *Organisation of Islamic Cooperation* (OIC) dan Kerjasama Serantau, Setiausaha Bahagian Kerjasama dan Pembangunan Antarabangsa Pengarah di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR) dan Timbalan Ketua Pengarah, Bahagian Komuniti Sosio-Budaya ASEAN, Sekretariat Kebangsaan ASEAN-Malaysia. Beliau juga



WISMA PUTRA

pernah ditugaskan di Bahagian Kerjasama Serantau, Sosial dan Budaya dan Bahagian Amerika.

Dato' Cheong Loon Lai

Bakal Duta Besar Malaysia ke Persekutuan Rusia

Dato' Cheong Loon Lai adalah graduan dalam bidang Sains Sosial dari Universiti Malaya dan menyertai Kementerian Luar Negeri pada tahun 1994. Sebelum ini, beliau memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Hal Ehwal Pelbagai Hala sejak tahun 2021.

Sebelum ini, beliau pernah menjawat jawatan Duta Besar Malaysia ke Hungary (2017-2021), Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Ghana (2014-2017) dan Konsul Jeneral Malaysia di Hong Kong, Republik Rakyat China (2008-2010). Penempatan diplomatik beliau yang lain adalah di Moscow, Rusia dan Washington D.C., Amerika Syarikat.

Di Kementerian Luar Negeri, beliau pernah ditugaskan sebagai Setiausaha Bahagian Ekonomi Pelbagai Hala dan Alam Sekitar; dan Setiausaha Bahagian Kerjasama Serantau, Sosial dan Budaya. Beliau juga pernah berkhidmat di Bahagian Asia Tengah dan Eropah; dan Bahagian Penerangan.

Dato' Nadzirah Osman

Bakal Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di Geneva, Switzerland

Dato' Nadzirah Osman merupakan graduan Universiti Malaya dalam bidang Genetik dan menyertai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomati pada tahun 1994. Sebelum pelantikan ini, beliau memegang jawatan sebagai Duta Besar Malaysia ke Belanda sejak tahun 2021.

Beliau juga pernah bertugas sebagai Duta Besar Malaysia ke Republik Czech (2014-2017) dan ditugaskan di perwakilan diplomatik Malaysia di London, United Kingdom dan Mexico City, Mexico. Di Kementerian Luar Negeri, beliau pernah menjawat jawatan Timbalan Ketua Setiausaha Hal Ehwal Pelbagai Hala, Setiausaha Bahagian Politik Pelbagai Hala, Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan Setiausaha Bahagian Ekonomi Pelbagai Hala dan Alam Sekitar. Beliau juga pernah ditugaskan di Bahagian Amerika dan Bahagian Eropah Timur.



WISMA PUTRA

No. 1, Jalan Wisma Putra, Presint 2, 62602 Putrajaya, Malaysia
Tel: +603 80008000 | Fax: +603 8889 2726 | Emel: bkda@kln.gov.my | Portal: www.kln.gov.my

Ambassador Sharrina Abdullah
Bakal Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Komanwel Australia

Ambassador Sharrina Abdullah merupakan graduan Southern Illinois University, Amerika Syarikat dalam bidang Psikologi dan menyertai Kementerian Luar Negeri pada tahun 1994. Sebelum pelantikan ini, beliau memegang jawatan sebagai Setiausaha Bahagian Diplomasi Ekonomi Dua Hala sejak tahun 2021.

Beliau pernah ditugaskan sebagai Duta Besar Malaysia ke Switzerland (2017-2021) dan Duta Besar Malaysia ke Senegal (2014-2017). Penempatan luar negara beliau yang lain adalah di perwakilan diplomatik Malaysia di Paris, Perancis dan Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Di Kementerian Luar Negeri, beliau pernah menjawat jawatan Setiausaha Bahagian Asia Selatan dan Asia Tengah; dan Setiausaha Bahagian Penyelidikan, Jabatan Penyelidikan, Triti dan Undang-undang Antarabangsa. Beliau juga pernah ditugaskan di Bahagian Asia Tenggara dan Pasifik Selatan; dan Bahagian Amerika.

Ambassador Muzafar Shah Mustafa
Bakal Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Republik India

Ambassador Muzafar Shah Mustafa berkelulusan Sarjana Antarabangsa dalam bidang Integrasi Serantau dari Universiti Malaya dan menyertai Kementerian Luar Negeri pada tahun 1995. Sebelum ini, beliau merupakan Duta Besar Malaysia ke Mexico sejak tahun 2018.

Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Duta Besar Malaysia ke Venezuela (2016-2018) dan pernah ditugaskan di perwakilan Malaysia di Berlin, Jerman dan Baghdad, Iraq. Di Kementerian Luar Negeri, beliau pernah memikul tanggungjawab sebagai Setiausaha Bahagian Kewangan, Timbalan Ketua Protokol dan Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Perancangan Dasar dan Strategik. Beliau juga pernah berkhidmat di Bahagian Asia Barat dan Jabatan ASEAN.

Dato' Mohd Khalid Abbasi Ab Razak
Bakal Duta Besar Malaysia ke Belgium

Dato' Mohd Khalid Abbasi Ab Razak berkelulusan Sarjana dalam bidang Ekonomi dan Perniagaan dari Korea University dan menyertai Kementerian Luar Negeri pada tahun 1995. Sebelum ini, beliau merupakan Setiausaha Bahagian Eropah sejak tahun 2020.



Beliau pernah juga bertugas sebagai Duta Besar Malaysia ke Argentina (2017-2020), Konsul Jeneral Malaysia di Jeddah, Arab Saudi (2011-2015) dan Konsul Jeneral Malaysia di Karachi, Pakistan (2008-2011). Beliau juga pernah bertugas di Kedutaan Besar Malaysia di Seoul, Republik Korea. Di Kementerian Luar Negeri, beliau pernah memegang jawatan sebagai Setiausaha Bahagian Asia Barat dan juga pernah ditugaskan di Bahagian Asia Tenggara, Sekretariat Kebangsaan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), Jabatan ASEAN dan Bahagian Ekonomi.

**Ambassador Roseli Abdul
Bakal Duta Besar Malaysia ke Belanda**

Ambassador Roseli Abdul berkelulusan Sarjana dalam bidang Strategi dan Diplomasi dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan menyertai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik pada tahun 1995. Sebelum pelantikan ini, beliau memegang jawatan Setiausaha Bahagian Asia Tenggara sejak tahun 2021.

Beliau pernah menjawat jawatan sebagai Duta Besar Malaysia ke Turkmenistan (2016-2021) dan Konsul Jeneral Malaysia di Kunming, Republik Rakyat China (2008-2012). Penempatan luar negara beliau yang lain adalah di Jakarta, Indonesia; Islamabad, Pakistan dan New York, AS (Konsulat Jeneral). Di Kementerian Luar Negeri, beliau pernah memegang jawatan Setiausaha Bahagian OIC, D8 dan Pertubuhan Khas dan Kerjasama Selatan-Selatan dan pernah ditugaskan juga di Bahagian Asia Tenggara.

**Puan Rus Shazila Osman
Bakal Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Republik Afrika Selatan**

Puan Rus Shazila Osman berkelulusan Sarjana dalam bidang Dasar, Undang-undang dan Pengurusan Eropah dari Robert Gordon University, United Kingdom dan memulakan kariernya dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik pada tahun 1998. Sebelum pelantikan ini, beliau merupakan Setiausaha Bahagian Inspektorat sejak tahun 2019.

Beliau sebelum ini pernah ditugaskan di perwakilan Malaysia di Berlin, Jerman dan Berne, Switzerland. Di Kementerian Luar Negeri, beliau pernah memegang jawatan Setiausaha Bahagian Kewangan dan Setiausaha Bahagian OIC dan Kerjasama Serantau. Beliau juga pernah ditugaskan di Bahagian Pembangunan, Bahagian Konsular dan Jabatan Hal Ehwal Wilayah dan Maritim.



Encik Wan Aznainizam Yusri Wan Abdul Rashid **Bakal Duta Besar Malaysia ke Ireland**

Encik Wan Aznainizam Yusri Wan Abdul Rashid berkelulusan Sarjana dalam bidang Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Malaya dan menyertai Kementerian Luar Negeri pada tahun 2000. Sebelum ini, beliau memegang jawatan sebagai Setiausaha Bahagian Amerika sejak tahun 2020.

Penempatan luar negeri beliau sebelum ini adalah di perwakilan diplomatik Malaysia di New Delhi, India; Tokyo, Jepun dan Geneva, Switzerland (Perutusan Tetap Malaysia ke PBB di Geneva). Di Kementerian Luar Negeri, beliau pernah menjawat jawatan Setiausaha Bahagian Afrika, Setiausaha Bahagian Kewangan dan Pegawai Khas kepada Ketua Setiausaha. Beliau juga pernah ditugaskan di Bahagian Politik Pelbagai Hala, Bahagian Kerjasama Serantau dan Ekonomi Pelbagai Hala; dan Bahagian Konsular.

Encik Mohd Suhaimi Ahmad Tajuddin **Bakal Duta Besar Malaysia ke Turkmenistan**

Encik Mohd Suhaimi Ahmad Tajuddin berkelulusan Sarjana dalam bidang Hubungan Antarabangsa dari University of Nottingham dan menyertai Kementerian Luar Negeri pada tahun 2000. Sebelum pelantikan ini, beliau memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Pengarah, Bahagian Komuniti Ekonomi ASEAN, Sekretariat Kebangsaan ASEAN-Malaysia sejak tahun 2020.

Penempatan luar negara beliau sebelum ini adalah di New York, Amerika Syarikat (Perutusan Tetap Malaysia ke PBB); Washington D.C., Amerika Syarikat dan Singapura. Di Kementerian Luar Negeri, beliau pernah memegang jawatan Pengarah Pusat Pemerkasaan Kompetensi, IDFR dan Timbalan Ketua Pengarah, Bahagian Komuniti Politik-Keselamatan ASEAN, Sekretariat Kebangsaan ASEAN-Malaysia. Beliau juga pernah ditugaskan di Jabatan Hal Ehwal Maritim, Bahagian Asia Tenggara dan Jabatan ASEAN.

Encik Jamal Sharifuddin Johan **Bakal Duta Besar Malaysia ke Mexico**

Encik Jamal Sharifuddin Johan berkelulusan Sarjana dalam bidang Hubungan Antarabangsa dari University of Sheffield, United Kingdom dan menyertai Kementerian Luar Negeri pada tahun 2000. Sebelum pelantikan ini, beliau memegang jawatan sebagai Setiausaha Bahagian Politik Pelbagai Hala sejak tahun 2019.



Sebelum ini, beliau pernah ditugaskan di perwakilan diplomatik Malaysia di Singapura; New York, Amerika Syarikat (Perutusan Tetap Malaysia ke PBB); Pyongyang, Republik Demokratik Rakyat Korea dan Berne, Switzerland. Di Kementerian Luar Negeri, beliau pernah memikul tanggungjawab sebagai Timbalan Ketua Pengarah, Bahagian Hubungan Luar ASEAN, Sekretariat Kebangsaan ASEAN-Malaysia dan ditugaskan di Bahagian Politik, Keselamatan dan Pelucutan Senjata; dan Bahagian Asia Tenggara.

Encik Muhammad Radzi Jamaludin
Bakal Duta Besar Malaysia ke Republik Cuba

Encik Muhammad Radzi Jamaludin merupakan graduan University of Wisconsin, Amerika Syarikat dan menyertai Kementerian Luar Negeri pada tahun 2000. Sebelum ini, beliau memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Protokol (Keistimewaan dan Kekebalan), Jabatan Protokol dan Konsular sejak tahun 2022.

Beliau pernah ditugaskan di perwakilan diplomatik Malaysia di Singapura, Ottawa, Kanada, Berlin, Jerman, Santiago, Chile dan Abuja, Nigeria. Di Kementerian Luar Negeri, beliau pernah menjawat jawatan Setiausaha Bahagian Konsular dan pernah ditugaskan di Bahagian Eropah, Bahagian Asia Barat dan Bahagian Asia Tenggara.

Encik Ahmad Kamrizamil Mohd Riza
Bakal Duta Besar Malaysia ke Republik Azerbaijan

Encik Ahmad Kamrizamil Mohd Riza berkelulusan Sarjana dalam bidang Hubungan Antarabangsa dari University of Nottingham dan memulakan perkhidmatan di Kementerian Luar Negeri pada tahun 2000. Sebelum pelantikan ini, beliau memegang jawatan sebagai Setiausaha Bahagian OIC dan Kerjasama Serantau sejak tahun 2019.

Penempatan luar negara beliau sebelum ini adalah di perwakilan diplomatik Malaysia di Buenos Aires, Argentina; Dakar, Senegal; dan Manama, Bahrain. Di Kementerian Luar Negeri, beliau pernah bertugas sebagai Setiausaha Bahagian Pentadbiran dan Keselamatan, dan ditugaskan di Jabatan Penerangan dan Diplomasi Awam, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, dan Bahagian Asia Timur dan Asia Selatan.

Encik Hamizan Hashim
Bakal Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Papua New Guinea

Encik Hamizan Hashim merupakan graduan dalam bidang Ekonomi dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan menyertai Kementerian Luar Negeri pada tahun 2001.



Sebelum pelantikan ini, beliau merupakan Pengarah Pusat Kepimpinan, Perundingan dan Diplomasi Awam, IDFR sejak tahun 2019.

Sebelum ini, beliau pernah ditugaskan di perwakilan diplomatik Malaysia di Suva, Fiji; Vienna, Austria dan Dhaka, Bangladesh. Di Kementerian Luar Negeri, beliau pernah bertugas di Bahagian Keselamatan Pelbagai Hala, Bahagian Perancangan Dasar dan Strategik, Bahagian Asia Tenggara dan Bahagian Eropah Barat.

Encik Nor'Azam Mohd Idrus

Bakal Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Republik Fiji

Encik Nor'Azam Mohd Idrus berkelulusan Sarjana dalam bidang Pentadbiran Perniagaan dari George Washington University, Amerika Syarikat dan menyertai Kementerian Luar Negeri pada tahun 2002. Sebelum ini, beliau menjawat jawatan sebagai Timbalan Ketua Protokol (Istiadat dan Keraian), Jabatan Protokol dan Konsular.

Perkhidmatan diplomatik beliau yang lain termasuk di perwakilan diplomatik Malaysia di Tokyo, Jepun; New Delhi, India; Suva, Fiji; dan Vienna, Austria. Di Kementerian Luar Negeri, beliau pernah berkhidmat di Bahagian Cambodia-Laos-Myanmar-Vietnam (CLMV) dan Oceania dan Bahagian Amerika.

Encik Zahid Rastam

Bakal Duta Besar Malaysia ke Republik Itali

Encik Zahid Rastam berkelulusan Sarjana dalam bidang Strategi Antarabangsa dan Diplomasi dari London School of Economics and Political Science, United Kingdom dan memulakan perkhidmatan di Kementerian Luar Negeri pada tahun 2003. Sebelum pelantikan ini, beliau merupakan Timbalan Ketua Perwakilan di Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London, United Kingdom sejak tahun 2020.

Penempatan luar negara beliau yang lain adalah di perwakilan diplomatik Malaysia di Geneva, Switzerland (Perutusan Tetap Malaysia ke PBB di Geneva); Manila, Filipina dan New York, Amerika Syarikat (Perutusan Tetap Malaysia ke PBB). Di Kementerian Luar Negeri, beliau pernah ditugaskan di Bahagian Keselamatan Pelbagai Hala, Pusat Kajian Politik dan Diplomasi Ekonomi, IDFR dan Bahagian Politik Pelbagai Hala.

PUTRAJAYA

4 Oktober 2023



WISMA PUTRA

No. 1, Jalan Wisma Putra, Presint 2, 62602 Putrajaya, Malaysia
Tel: +603 80008000 | Fax: +603 8889 2726 | Emel: bkda@kln.gov.my | Portal: www.kln.gov.my